

Tarik minat bukan Melayu sertai BBK

» Lancar Penerbitan Berpakej perbanyak bahan bacaan rentas bidang ilmu

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Soalan: Datuk Dr Awang apakah pengisian Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) tahun ini masih dikekalkan atau ada kegiatan baharu yang diperkenalkan?

Jawapan: Sambutan BBK masih mengekalkan kegiatan tahunan seperti Kembara Bahasa, selain acara kemuncaknya iaitu Majlis Pelancaran BBK Peringkat Kebangsaan 2014 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya pada hari ini dan disempurnakan Timbalan Perdana Menteri (TPM), Tan Sri Muhyiddin Yassin. Pada majlis ini, hadiah khas yang julung kali diperkenalkan iaitu Anugerah Karya Ilmiah Terbaik Bidang Sains dan Teknologi khusus bagi mengiktiraf ilmuwan yang menulis karya dalam dua bidang itu akan disampaikan oleh TPM. Sambutan pada peringkat negeri pula diperhebat dengan aktiviti Karnival Bahasa yang menjadi antara kegiatan baharu BBK untuk mempromosikan produk terbitan DBP seperti buku, bahan multimedia dan majalah selepas kita mengambil alih aspek komersial penerbitan berkuat kuasa 1 September lalu yang sebelum ini ditangani Dawama Sdn Bhd.

Soalan: Bagaimanakah pula perkembangan Program Penerbitan Berpakej yang mula digerakkan pada tahun 2012

untuk memperbanyak bahan bacaan merentas bidang ilmu. Apakah DBP mengambil kesempatan BBK untuk program ini?

Jawapan: Pada Majlis Pelancaran BBK Peringkat Kebangsaan, 100 judul pertama dalam projek Program Penerbitan Berpakej akan dilancarkan. Perkembangan projek ini sangat membebankan kerana sejak digerakkan, seramai 2,500 penulis bersedia menulis dan bernaung di bawah DBP, selain 1,000 manuskrip diterima untuk dinilai bagi tujuan penerbitan. Penerbitan Bersepadu ini merangkumi buku ilmiah dan sastera yang sesuai dibaca oleh semua kategori masyarakat termasuk sarjana, dewasa, remaja dan kanak-kanak. Saya yakin tahun depan lebih banyak karya merentas pelbagai bidang ilmu akan diterbitkan secara berpakej dengan sasaran minimum penerbitan 500 judul baharu.

Soalan: Apakah antara aktiviti dalam Kembara Bahasa tahun ini?

Jawapan: Kembara Bahasa yang menjadi mercu tanda sambutan BBK, akan berlangsung selama empat hari yang bermula Jumaat lalu hingga hari ini dan disertai peserta pelbagai kaum dan ker-

“DBP berharap penyertaan bukan Melayu dalam kegiatan BBK dapat ditingkatkan tahun ini memandangkan pembabitan mereka masih kurang”

Awang Sariyan,
Ketua Pengarah DBP

jaya, sekali gus menjana interaksi dan perkongsian maklumat serta pengalaman baharu. Peserta dari Perlis hingga Sabah akan bergerak dalam kumpulan dan bertemu bagi menghadiri Majlis Pelancaran BBK Peringkat Kebangsaan 2014 di Putrajaya, pada hari ini. Buat kali pertama, peserta dari Sabah dan Sarawak akan bergerak serentak dari Lawas, selain konvoi



Pelajar sedang membelek buku pada pameran DBP pada Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 Peringkat Negeri Perak, di Manjung.

Kembara Bahasa turut memabitkan peserta Thailand, Singapura dan Brunei Darussalam. Antara kegiatan sepanjang jelajah mereka termasuk acara baca puisi, forum bahasa, ziarah tokoh penyair dan program kebahasaan bersama masyarakat setempat.

Soalan: Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) yang digerakkan sejak tahun 2000 seakan-akan mati. Apakah peranan DBP dalam menghidupkan semula MABM yang sepatutnya menjadi nadi memperkasa bahasa Melayu?

Jawapan: Menjadi hasrat TPM untuk menunjukkan keantarabangsaan bahasa Melayu, maka DBP mengundang pakar bahasa dalam kalangan 18

anggota MABM untuk menerima watak pada majlis pelancaran. Pemberian watak ini ialah usaha baharu DBP menggerakkan semula MABM yang dahulunya pernah aktif menjalankan pelbagai program berbentuk kebahasaan. Diharapkan pakar bahasa ini dapat menjalankan gerakan penyelidikan, penerbitan dan pengajaran bahasa Melayu dengan lebih tuntas di negara mereka. Antara negara anggota MABM termasuk China, Korea Selatan, Jerman, Australia, Belanda, Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia dan Singapura. Pada 15 dan 16 Oktober ini, Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu 2014 memabitkan negara anggota MABM akan diadakan di Hotel Bangi-Putrajaya dengan pelbagai pengisian termasuk mesyuarat jawatankuasa kerja negara terabit, selain diikuti dengan forum yang dibuka kepada penyertaan umum.

Soalan: Harapan Dr Awang sempena sambutan BBK tahun ini terutama kelompok masyarakat dalam mengangkat semangat cinta dan memartabatkan bahasa.

Jawapan: DBP berharap penyertaan bukan Melayu dalam kegiatan BBK dapat ditingkatkan tahun ini memandangkan pembabitan mereka masih kurang. DBP juga berhasrat melatih peserta Kembara Bahasa dengan harapan menjadi duta dalam mempromosi bahasa dan sastera supaya peranan ini tidak diletakkan di bahu kakitangan 800 DBP, bahkan turut dibantu masyarakat.



Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu yang disiarkan dalam **BH Sastera**, boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel bhsastera@bh.com.my.

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH]